

22/10/2001

Buku jawab tulisan Shahnnon Ahmad dilancar

KUALA LUMPUR, Ahad - Buku terbaru bertajuk Babi yang diterbitkan bagi menjawab novel Anjing tulisan Datuk Shahnnon Ahmad, dilancarkan di sini hari ini.

Babi tulisan bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali itu yang sudah dijual sebanyak 33,000 naskhah, mula dipasarkan semalam dengan harga RM8 senaskhah.

Buku setebal 103 muka surat terbitan Koperasi Anak Pasir Mas Kelantan itu dilancarkan oleh penulis serta pengkritik sastera, Dr Kassim Ahmad.

Ibrahim ketika berucap pada majlis pelancaran itu berkata, ilham untuk menulis buku itu timbul apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertanyakan kepadanya dalam satu majlis di Kelantan Ogos lalu.

"Selepas sembahyang Jumaat, Perdana Menteri bertanya sama ada saya sudah membaca buku Anjing tulisan Shahnnon. Saya kata belum tetapi apabila balik ke Kuala Lumpur petang itu, saya mencari buku ini.

"Selepas membacanya saya tidak dapat tidur satu malam dan saya menghabiskan sebulan sesetengah kemudian untuk menjawab tulisan itu dan hari ini lahirlah buku Babi," katanya.

(END)